



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>KHAMIS, 7 JULAI 2022</b>	
<b>1.</b>	<b>Gunalah duit sendiri laksana korban</b>
<b>2.</b>	<b>91 ekor babi liar mati akibat ASF -warga emas parah disondol babi hutan</b>
<b>3.</b>	<b>Dulu jurutera sekarang penternak ayam</b>
<b>4.</b>	<b>Peniaga nafi sorok ayam</b>
<b>5.</b>	<b>1.9 million vehicles on the roads home for Raya Haji</b>
<b>6.</b>	<b>91 babi hutan mati akibat jangkitan ASF</b>
<b>7.</b>	<b>Kenaikan harga tidak jejas keupayaan laksana ibadah korban</b>

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# Gunalah duit sendiri laksana korban

Para pemimpin politik diingatkan jangan salah guna dana kerajaan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
SHAH ALAM

**K**umpulan pemimpin yang ingin menunaikan ibadah korban diingatkan untuk menggunakan duit sendiri dan bukannya sumber diperolehi daripada dana kerajaan kerana ia mungkin boleh menjadi satu perbuatan sia-sia jika dilaksanakan.

Ketua Pegawai Operasi EZ Qurban, Muhammad Hafeez Firdaus Toharudin berkata, amalan korban merupakan ibadah diri sendiri dan bukannya tuntutan yang perlu dilaksanakan oleh mana-mana institusi ataupun daripada pihak kerajaan.

Katanya, sama seperti ibadah solat serta ibadah-ibadah khusus lain, korban merupakan perintah Tuhan yang perlu dilakukan oleh individu dengan menggunakan harta miliknya sendiri dan bukan melibatkan sumber umum atau harta orang ramai.

"Jika seseorang pemimpin atau ahli politik yang ingin melaksanakan amalan korban, jangan sesekali menggunakan duit kerajaan (peruntukan sebagai pemimpin) kerana ia adalah hak milik rakyat.

"Sekiranya amalan korban kumpulan pemimpin menggunakan sumber (duit) kerajaan, kemungkinan ia akan hanya menjadi satu perbuatan sia-sia buat dirinya.

"Malah ia mungkin boleh menjurus kepada satu kesalahan kerana menyalah guna kuasa apabila mengambil wang rakyat bagi menunaikan hasrat peribadi," katanya kepada kru Pasuah Busters, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Hafeez berkata, andai sesebuah institusi menganjurkan atau melaksanakan program korban, ibadah korban itu tetap perlu diniatkan atas nama peribadi oleh individu dalam institusi tersebut.

Jelasnya, pemberian temakan korban oleh pihak-pihak tertentu khususnya institusi atau mana-mana agensi tidak boleh dianggap sebagai 'ibadah korban', apatah lagi sekiranya ia diberikan oleh pihak kerajaan atau wakil rakyat kepada penduduk di kawasanannya.

Tegas beliau, ia hanya boleh dilabelkan sekadar 'program korban' apabila sejumlah penduduk atau masyarakat menerima sembelihan temakan korban tersebut.

"Apabila temakan korban disembelih oleh orang ramai dan mereka 'meniatkan' sebagai wakil atas nama peribadi si pemberi kerana temakan itu telah menjadi haknya, maka barulah boleh dianggap



Harga lembu yang meningkat tidak menghalang umat Islam di negara ini untuk melaksanakan ibadah korban. - Gambar hiasan



MUHAMMAD HAFEEZ

sebagai ibadah korban.

"Jika mereka menerima temakan tersebut atas dasar hadiah untuk pemberian daging korban manakala pemberinya pula bukan atas nama individu, maka ia hanyalah sekadar 'program korban'. Tiada mana-mana pihak yang mendapat pahala daripada ibadah korban itu.

"Maka sewajarnya mana-mana ahli politik, ahli perniagaan atau sesiapa-pun yang ingin membuat ibadah korban serta menyumbang daging korban itu kepada rakyat di kawasanannya, dia seharusnya menggunakan duit peribadinya sendiri," katanya.

## Pancing undi dengan daging korban

Ditanya apakah hukum sekiranya ahli politik berniat untuk 'memancing undi' dengan pemberian daging korban, Muhammad Hafeez berkata, semua amalan anak Adam adalah bergantung di atas niat masing-masing.

Tambahnya, orang ramai tidak dapat menilai sejauh mana niat seseorang itu kerana ia hanya diketahui oleh mempunyai badan itu sendiri.

Namun begitu, katanya, orang ramai yang menerima daging korban tidak perlu bersalah sangka dengan pemberian daripada barisan kepimpinan atau ahli politik.

"Adapun rakyat di kawasan tersebut yang menerima daging, tidak sama sekali menjadi satu kesalahan bagi mereka untuk menerima daging korban," katanya.

Sementara itu ketika diminta menjelaskan status amalan korban sekiranya

lembu yang mahu dikorbankan itu melalui proses yang salah termasuk perbuatan merasuah pihak berkuasa kerana dibawa masuk secara seludup dari negara jiran, beliau memberitahu, orang ramai perlu lebih berhati-hati sekiranya ingin melakukan amalan korban.

Menurut beliau, mereka yang ingin melaksanakan ibadah korban perlu mendapatkan haiwan secara sah daripada pemiliknya.

Beliau berkata, membeli sesuatu yang diketahui bahawa barangan itu merupakan barangan curi, tidak kira apa tujuannya sekali pun akan tetap dianggap sebagai satu kesalahan dan tidak sah.

"Timbul isu bahawa lembu-lembu yang dibawa masuk secara seludup dari negara jiran tidak melalui peraturan yang sah dan sebagainya.

"Sekiranya memang benar diketahui dan diyakini oleh si pembeli, maka perlulah dia mengelakkan daripada membelinya," kata beliau.

Muhammad Hafeez menambah, amalan korban adalah ibadah yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada ALLAH SWT, maka ia perlu dibuat secara sebaik mungkin dan dipastikan 'halal' daripada semua sudut.

Jelas beliau, duit yang digunakan untuk membeli temakan korban perlu dipastikan daripada hasil yang elok, dibeli daripada sumber yang sah, manakala proses pelaksanaan bermula daripada proses penyembelihan sehingga agihan dibuat oleh kumpulan pelaksana yang jujur.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai yang ingin melakukan ibadah korban dinasihatkan untuk memilih institusi yang mempunyai kredibiliti dan amanah.

Selain itu, menurutnya, peserta yang

“

Andai mereka menerima temakan tersebut atas dasar hadiah untuk pemberian daging korban manakala pemberinya pula bukan atas nama individu, maka ia hanyalah sekadar 'program korban'. Tiada mana-mana pihak yang mendapat pahala daripada ibadah korban itu."

ingin mendaftarkan korban dengan mana-mana institusi atau pertubuhan perlu menyemak dan menyelidik institusi tersebut sebelum mendaftar.

Beliau berkata, serakan boleh dilakukan dengan melihat pendaftaran institusi tersebut, pengiktirafan diterima, tempoh tahun beroperasi serta pengalaman melaksanakannya.

"Pengiktirafan daripada mana-mana jabatan atau agensi kerajaan itu bukanlah tanda ukuran ketakwaan antara kita dengan Tuhan, tetapi menghilangkan rasa was-was atau ragu-ragu itu juga satu kefarduan kerana setiap ibadah yang menghilangkan keraguan akan mendatangkan ketenangan dalam melaksanakan ibadah.

"Kita perlu menyakini bahawa ibadah yang telah kita niatkan. Sepatutnya tiada keraguan apabila telah terjalin akad antara peserta korban dan pihak pelaksana," ujarnya.

# 91 ekor babi liar mati akibat ASF

Penularan penyakit dipercayai berpunca daripada bawaan air sungai dan binatang buas

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KEMAMAN

Sebanyak 91 ekor babi liar ditemui mati di kawasan hutan Air Putih, di sini sepanjang tempoh 10 hari bermula 20 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man berkata, kematian spesies babi liar itu didapati berpunca daripada jangkitan penyakit demam babi Afrika (ASF).

FOTO: IHSAN JPV TERENGGANU



Sampel babi liar yang mati di kawasan hutan Air Putih, Kemaman diambil bagi mengenal pasti punca kematian.

"Pihak veterinar telah mengambil sampel pada bangkai haiwan berkenaan pada 21 dan 22 Jun lalu dan keputusan ujian sampel yang diketahui pada 27

Jun lalu menunjukkan kesemua haiwan itu dijangkiti ASF.

"Setakat ini sebanyak 91 ekor babi liar dikesan mati sehingga 30 Jun lalu," katanya ke-

tika dihubungi pada Rabu.

Jelasnya, kawasan terlibat telah dinyahkuman dan bangkai haiwan berkenaan telah ditanam mengikut prosedur bagi memastikan ia tidak merebak.

Tambahnya, JPV Terengganu bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kini membuat pemantauan dan mengambil sampel pada jarak 10 kilometer dari lokasi penyakit itu dikesan bagi memastikan tidak berlaku penularan ke kawasan lain.

"Kita sedang berusaha untuk meluaskan lagi kawasan bagi mengambil sampel termasuk ke daerah-daerah lain di Terengganu bagi memastikan penyakit ini dapat dibendung dan tidak merebak," ujarnya.

Dr Anun berkata, penularan penyakit yang menyebabkan kematian 91 ekor babi liar itu dipercayai berpunca daripada bawaan air sungai dan binatang buas.

"Banyak faktor boleh menyebabkan penyakit ini berjangkit dan kita percaya kes yang berlaku di kawasan hutan Air Putih di Kemaman berpunca daripada aliran air sungai dan binatang buas.

"Di Terengganu tiada kawasan ternakan babi di ladang komersial. Jadi, kita percaya jangkitan ini mungkin menular daripada kes sama yang pernah berlaku di Taman Negara di Jerantut pada Mei lalu," jelasnya.

Menurutnya, secara normal penyakit itu tidak menjangkiti manusia dan ternakan lain namun ia perlu dikawal bagi mengelak ia menjangkiti lebih banyak babi yang menjadi sumber makanan binatang buas di dalam hutan.

"Penyakit ini lebih spesifik menyerang babi hutan (liar) dan babi ternakan yang mana ia boleh mengakibatkan kematian haiwan itu dalam tempoh yang singkat," katanya.

## Warga emas parah disondol babi hutan

KOTA BHARU - Belum sempat menjamah durian, seorang warga emas parah diserang seekor babi hutan di dusun buah-buahan yang terletak bersebelahan rumahnya di Taman Desa Wangi, Kampung Kubang Siput, di sini pada Rabu.

Kejadian pada jam 9 pagi itu menyebabkan mangsa, Umar Ngah, 78, cedera parah pada lengan kiri dan luka di kepala, serta beberapa anggota badan.

Cucu mangsa, Mohamad Nizam Mohamad, 34, berkata, ketika kejadian, dia sedang membakar sate tempahan pelanggan di pekarangan rumahnya yang terletak selang sebuah rumah daripada rumah mangsa.

Ujarnya, secara tiba-tiba dia terdengar bunyi jeritan mangsa yang meminta tolong sebelum bergegas ke arah bunyi tersebut.

"Semasa sampai di kawasan dusun itu, saya nampak seekor babi hutan sedang menyondol datuk dan mereka bergelut.

"Datuk jatuh ke dalam parit sedalam semeter dan babi tersebut pula berhenti apabila melihat saya datang," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Mohamad Nizam berkata, dia menghubungi ambulans dan mangsa dibawa ke Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian untuk rawatan.

"Setakat ini, datuk masih berada di unit kecemasan Hospital USM," jelasnya.

Sementara itu, isteri mangsa,



Tangan kiri mangsa yang cedera parah akibat diserang babi hutan di Taman Desa Wangi, Kampung Kubang Siput, Kota Bharu pada Rabu.



MOHAMAD NIZAM



ZAKIAH

Zakiah Deraman, 76, berkata, sebelum kejadian itu, dia dan suaminya sempat bersarapan di sebuah gerai makan berhampiran sebelum mangsa terlebih dahulu pulang ke rumah dan ke dusun untuk mengutip durian.

"Sebelum ini, sekumpulan 13 hingga 15 ekor babi kerap berkeliaran di kampung ini dengan memakan dan merosakkan tanaman penduduk," katanya.

Tambah Zakiah, kejadian menimpa suaminya itu bagaimana pun pertama kali berlaku sejak sekian lama ancaman babi di kawasan kampung berkenaan.

"Sudah banyak kali operasi dilakukan oleh pihak berwajib sebelum ini bagi menghapuskan haiwan yang merosakkan tanaman penduduk itu," jelasnya.

## Dulu jurutera sekarang penternak ayam

**PONTIAN-** Seorang jurutera elektrik tidak menyangka kepulangan ke kampung halaman untuk menjaga ayah yang tidak sihat, dua tahun lalu mempunyai hikmah yang besar apabila mengubah perjalanan hidupnya.

Hafizul Alief Abu Bakar, 31 kini mampu tersenyum melihat ternakan lebih 2,000 ayam kampung kacuk dan organik yang diusahakan Kampung Parit Haji Salleh Sanglang Benut membuahkan hasil lumayan.

Katanya, untuk mencapai kejayaan pelbagai cabaran dan pengorbanan perlu dilakukan termasuk mendapatkan modal permulaan sebanyak RM25,000 hasil wang simpanan dan terpaksa menggadai

barang kemas milik isteri, Siti Nur Shahira Shapri, 27

"Kebetulan di belakang rumah ada sebuah reban kosong selepas ayah, Abu Bakar Sahuni, 61, tidak lagi mengusahakan ternakan burung puyuh. Ayah beritahu jika reban diusahakan semula pasti mendatangkan hasil.

"Kebetulan ayah merupakan pesara vateriner, banyak ilmu tentang penternakan ayam kampung yang dikongsikannya. Saya turut bertemu dengan pemborong ayam kampung di Batu Pahat untuk mengetahui keadaan pasaran ayam kampung, ternyata permintaannya cukup tinggi di pasaran," ujarnya.

Dia terus mengorak langkah dengan menternak 2,000 ekor ayam kampung sebagai permulaan, namun diduga dengan kejadian banjir dan wabak yang menyebabkan ayam kampungnya mati hampir 900 ekor.

"Dugaan ini saya anggap sebagai cabaran untuk lebih mahir dalam bidang ternakan. Saya tidak boleh putus asa sebaliknya perlu cepat atasi masalah.

"Selepas enam bulan, akhirnya saya capai sasaran dan jualan ayam kampung sudah balik modal, malah barang kemas isteri sudah boleh ditebus," jelasnya.

Menurut Hafizul Alief, permintaan ayam kampung mengalami peningkatan mendadak sejak Ramadan lalu, selepas pengguna mula beralih kepada ayam kampung berikutan kekurangan bekalan ayam standard di pasaran.

Menurutnya, peningkatan jualan sebanyak 100 peratus berbanding hanya 1,000 ekor sebelum ini menyebabkan dia mengambil langkah membina sebuah lagi reban bagi membolehkan lebih banyak ayam kampung ditenak.

"Saya ada terima geran RM15,000 Disember tahun lalu dibawah Program Integrasi Ternakan Dalam Kelapa Sawit oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Geran ini akan digunakan untuk bina reban baharu dan rakan-rakan turut banyak membantu," katanya.



Hafizul Alief berbangga dengan hasil titik peluhnya mengusahakan ternakan ayam kampung.



**PENIAGA** nafi mereka menyimpan bekalan ayam sebelum ini untuk memanipulasi harga - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

## Peniaga nafi sorok ayam

**KUANTAN:** Peniaga ayam menafikan dakwaan kononnya terdapat kalangan peniaga sengaja menyimpan stok bekalan ayam untuk memanipulasi harga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga Pasar Besar Kuantan, Azizah Omar, 34, berkata, bekalan tidak cukup sebelum ini kerana pembekal ayam mengeksportnya bagi menampung kos operasi.

“Selepas kerajaan menghentikan eksport, bekalan ayam di negara ini kembali pulih, justeru mencukupi untuk pembeli,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, tiada sebab untuk golongan peniaga dan pembekal menyimpan bekalan ayam kerana sebelum ini ia berkurangan ketika musim perayaan.

Katanya, ada suatu ketika selepas musim perayaan, harga ayam mencecah RM11 sekilo-

gram, lebih mahal daripada harga siling baharu yang ditetapkan.

“Tidak masuk akal jika dikatakan kami simpan bekalan sebelum ini dan keluarkan sekarang ketika harganya RM9.40 kerana ketika kekurangan bekalan harganya RM11,” katanya.

Ditanya tentang kenaikan harga ayam di pasaran kini, menurut Azizah, harga ditetapkan itu membantu peniaga kembali ‘bernafas’.

“Dengan harga RM9.40, dapatlah kami peniaga ‘bernafas’ semula,” katanya yang telah berniaga ayam sejak 2008.

Menurutnya, setakat ini dia tidak menerima sebarang rungutan daripada pelanggan tentang bekalan sebaliknya ada yang mengatakan saiz ayam besar.

# 1.9 million vehicles on the roads home for Raya Haji

**KUALA LUMPUR:** It's going to be another busy weekend on the highways as Malaysians head out of Klang Valley for the Hari Raya Haji celebration.

PLUS Malaysia (PLUS) expects about 1.9 million vehicles on the highways everyday from today to July 12, as the festival falls on Sunday.

Its chief operating officer Datuk Zakaria Ahmad Zabidi said with the increase of some 100,000 vehicles on the expressway daily, some congestion and a prolonged travel time is expected.

The highway has a daily volume of 1.8 million vehicles on any normal day, Bernama reported.

Zakaria advised motorists to adhere to the Travel Time Advisory (TTA) issued by PLUS to reduce traffic congestion.

Motorists have been asked to plan their journey beforehand.

"Highway users from the Klang Valley heading towards Perlis, Kedah, Penang, Perak (North) and Johor (Group A) can enter the highway before 10am between July 7 and 10.

"The others, including those with closer destinations, can enter the highway after 1pm," he said in

statement yesterday. Zakaria explained that the TTA was designed based on historical traffic data.


It is aimed at distributing traffic and circumventing the convergence of traffic as vehicles enter the highway at the same time on major highway stretches, toll plazas and rest areas, thus reducing congestion.

For the return trip from July 10 to 12, those in Group A are advised to enter the highway before 9am.

"Based on our studies, travel time can double if motorists choose not to adhere to the TTA schedule," Zakaria said.

He said regular traffic updates could be obtained through the @PLUStrafik Twitter service, the PLUS Application, the toll free PLUSLine at 1800-88-0000, PUTRI Chatbot, on electronic message signs (VMS) along the highway mainline and also announcements via major radio stations.

Using Waze or Google Maps is also highly recommended to help highway users better plan their journeys, he added while reminding highway users to have sufficient balance in their Touch 'n Go cards or eWallets for toll payments.



**Head count:** Abdul Aziz Noor Azudin, 26, who received more than one thousand orders checking on his herd of goats before delivery to buyers for Raya Haji at his farm in Gombak. — AZHAR MAHFOF/The Star

## 91 babi hutan mati akibat jangkitan ASF

**KEMAMAN** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengesahkan pengesanan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) pada koloni babi hutan di kawasan hutan sekitar Air Putih, di sini sejak dua minggu lalu.

Pengarah JPV negeri, Dr. Anun Man berkata, sebanyak 91 ekor babi hutan mati, ekoran dijangkiti penyakit itu setakat Khamis lalu.

"Kita telah mengesan kematian beberapa ekor babi hutan di kawasan hutan yang jauh dari penempatan manusia itu sejak 20 Jun lalu.

"Keputusan terhadap sampel bangkai haiwan liar tersebut pada seminggu kemudian telah mengesahkan kematian itu disebabkan jangkitan ASF," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Dia berkata, siasatan awal percaya penularan penyakit tersebut disyaki berpunca dari

aliran air dan bawaan makanan daripada haiwan dari Taman Negara Jerantut, Pahang.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, JPV dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sedang membuat kawalan dan pemantauan di sekitar 10 kilometer dari lokasi penyakit tersebut dikesan.

"Ia bertujuan bagi mengesahkan penyakit tersebut daripada terus menular sekali gus membunuh lebih banyak lagi haiwan liar berkenaan.

"Babi hutan yang mati telah dilupuskan mengikut prosedur ditetapkan dengan menanam dan dilakukan proses nyah kuman," katanya.

Dalam perkembangan sama, tambah beliau, pihak JPV Terengganu turut melakukan pemantauan di kesemua daerah di negeri ini sebagai langkah awal pencegahan penularan tersebut.



**PEGAWAI JPV Terengganu memeriksa bangkai babi hutan yang disyaki mati akibat penyakit ASF di Hutan Air Putih, Kemaman baru-baru ini.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.07.2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

## Kenaikan harga tidak jejas keupayaan laksana ibadah korban

**Kuala Terengganu:** Kenaikan harga ternakan tidak menjejaskan keupayaan masyarakat Islam untuk melakukan ibadah korban dan akikah pada sambutan Aidiladha Ahad ini.

Difahamkan, harga ditetapkan penternak untuk korban dan akikah antara RM750 serta RM900 bagi setiap bahagian.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr Anum Man berkata, jumlah permit sembelihan ternakan korban dan akikah dikeluarkan sehingga kelmarin ialah 3,143.

Daripada jumlah itu, katanya, 1,305 permit sembelihan dikeluarkan untuk di luar rumah sembelih membolehkan keseluruhan 2,980 ternakan.

"Ia membolehkan 2,823 lembu, 24 kerbau dan 133 kambing.

"JPV turut meluluskan

891 permit pemindahan ternakan membolehkan 1,945 lembu, 26 kerbau dan 19 kambing," katanya dihubungi semalam.

Dr Anum berkata, semua ternakan bakal disembelih untuk korban dan aqiqah sudah menjalani proses saringan kesihatan serta selamat dimakan.

Berkaitan jumlah permohonan untuk sembelihan ternakan korban dan aqiqah di rumah sembelih diseliah JPV, Dr Anum berkata, 130 ternakan akan disembelih di Rumah Sembelih (RS) Kuala Terengganu, RS Kemaman (15) dan 18 di RS Dungun manakala tiada permohonan diterima di RS Besut.

"JPV masih membuka permohonan permit untuk melakukan penyembelihan ternakan sempena sambutan Aidiladha sehingga hari ini," katanya.